

17/09/1998

Promosi Muzium PDRM lebih teratur

KUALA LUMPUR, Rabu - Muzium Pusat Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dibina berhampiran Planetarium Negara di sini, mampu memperkayakan kefahaman orang ramai terhadap sejarah dan tugas kepolisan, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor.

Justeru, beliau berkata usaha mempromosi Muzium Pusat PDRM itu akan dilaksanakan secara lebih tersusun.

"Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan menyediakan pakej istimewa pelajar sekolah ketika musim cuti, membolehkan mereka mengunjungi muzium dan melihat khazanah yang ada.

"Pada masa tertentu, kita akan menganjurkan majlis penceritaan di auditorium muzium oleh beberapa pakar yang dijemput khas. Tujuannya untuk menjelaskan sejarah polis, terutama ketika membanteras kegiatan Parti Komunis.

"Kita juga akan menjemput bekas pegawai polis dari cawangan khas yang terbabit dalam operasi membasmi pengganas komunis. Kegiatan seperti itu diharap dapat merapat dan mempromosi tugas PDRM kepada orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di Muzium Pusat PDRM di sini hari ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan muzium bernilai RM5 juta itu, 1 Oktober ini.

Menurut Rahim, PDRM berasa bangga memiliki muzium sendiri kerana sejarah silam kepolisan negara yang mengharungi pelbagai pengalaman sesuai dengan perkembangan masyarakat dapat diketengahkan.

Katanya, sepanjang tempoh pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, kedatangan kuasa penjajah sehingga kepada mencapai kemerdekaan, banyak menyentuh tugas polis.

Muzium yang terletak di lokasi strategik berhampiran Muzium Negara, Taman Burung dan Planetarium Negara dijangka mampu menjadi salah satu tempat tumpuan pelawat dari dalam dan luar negara.

Bagi menarik lebih ramai pengunjung ke muzium berkenaan, PDRM juga akan menggunakan pendekatan tertentu dengan mengubah bahan pameran dari semasa ke semasa.

(END)